

**Bahagian A**  
**[60 markah]**

*Jawab semua soalan.*

1

- (a) Jawab soalan berikut berdasarkan pernyataan di bawah.

Encik Zaidi selaku Akauntan di Syarikat Setia Berhad sentiasa diingatkan akan Kod Etika Akauntan Profesional.

Beliau juga sentiasa komited untuk menyediakan Penyata Kewangan bagi Syarikat Setia Berhad mengikut format MASB agar semua pengguna dapat membaca dan memahaminya dengan mudah.

- (i) Nyatakan satu kod etika yang perlu diamalkan oleh Encik Zaidi.
- (ii) Nyatakan ciri kualitatif Penyata Kewangan yang menepati pernyataan di atas.
- [2 markah]

- (b) Berikut ialah logo sebuah perniagaan terkenal di Malaysia.



Nyatakan dua ciri bagi entiti perniagaan tersebut?

[2 markah]

- (c) (i) Nyatakan satu contoh akaun nyata. [1 markah]
- (ii) Nyatakan satu contoh akaun nominal. [1 markah]
- (d) Hutang lapuk merupakan belanja operasi bagi sebuah perniagaan. Berikan dua sebab berlakunya hutang lapuk. [2 markah]

- (e) Remy mengambil alih pinjaman bernilai RM6 000 apabila perkongsiannya dibubarkan. Rekodkan urus niaga tersebut di dalam Jurnal Am.

Jurnal Am			
Butir	Folio	Dt.	Kt.

[2 markah]

- 2 Sam dan Era adalah pekongsi dalam Perkongsian SAMERA yang menjalankan perniagaan makanan sejuk beku di Pekan Cabang Tiga, Kuala Terengganu. Pada 31 Ogos 2021, maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian:

	RM
<b>Modal 1 September 2020:</b>	
Sam	40 000
Era	30 000
<b>Akaun Semasa 1 September 2020:</b>	
Sam	1 500 (dt)
Era	3 500
<b>Ambilan:</b>	
Sam (1 Mei 2021)	2 000
Era (1 Mac 2021)	4 000
Gaji Era	22 000
Gaji Sam	24 000
Perabot	14 500
Untung kasar	85 110
Kenderaan (kos)	48 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	4 800
Belanja am	1 020
Angkutan keluar	350
Akaun Belum Terima	5 500
Akaun Belum Bayar	6 330
Bank	30 200
Inventori	18 460
Peruntukan Hutang Ragu	290
Promosi	1 610
Insurans	3 270
Diskaun diterima	660
Kadar bayaran	3 200

Perjanjian Perkongsian telah menetapkan perkara-perkara berikut:

- (i) Faedah atas ambilan pekongsi 6% setahun.
- (ii) Faedah atas modal pekongsi 5% setahun.
- (iii) Gaji tahunan Sam RM28 000 dan Era RM24 000.
- (iv) Untung atau rugi perkongsian dibahagi antara Sam dan Era mengikut nisbah 3:2.

**Maklumat tambahan:**

- (i) Insurans prabayar RM270.
- (ii) Kadar bayaran belum bayar RM500.
- (iii) Belanja am tersilap rekod dalam promosi RM120.
- (iv) Seorang pelanggan diisytiharkan mufis dan hutangnya berjumlah RM800 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima bersih.

(vi) Kadar susut nilai:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Perabot	10%	atas kos
Kenderaan	10%	baki berkurangan

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021 [9 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Ogos 2021 [5 markah]
- (c) Akaun Semasa Pekongsi [9 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Ogos 2021 (petikan Ekuiti Pemilik) [2 markah]

## PRINSIP PERAKAUNAN

3 Butir-butir berikut diperolehi daripada buku-buku Kilang Kasut Jaguh pada 31 Disember 2020:

	1 Januari 2020	31 Disember 2020
	RM	RM
Inventori barang siap	5 240	6 530
Inventori bahan langsung	4 260	5 190
Alat-alat kecil kilang	520	360
Kerja dalam proses	1 280	1 150

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2020:

	RM
Loji dan mesin (kos)	49 800
Alatan (kos)	31 500
Belian alat-alat kecil	3 150
Belian alat tulis	950
Pulangan belian bahan langsung	1 980
Duti atas belian bahan langsung	790
Gaji pengurus	8 420
Gaji pekerja kilang	23 520
Penyelenggaraan kilang	8 850
Kadar bayaran kilang	13 550
Insurans	5 680
Bahan api kilang	3 990
Cap dagangan	2 680
Jualan	198 650
Pulangan jualan barang siap	350
Belian bahan langsung	59 980
Sewa	7 200
Susut nilai terkumpul Alatan	3 150
Susut nilai terkumpul Loji dan Mesin	19 920

**Maklumat tambahan:**

- (i) Loji dan mesin disusutnilaikan 20% mengikut kaedah garis lurus manakala alatan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Pulangan belian bahan langsung tertinggal catat RM380.
- (iii) Gaji pekerja kilang RM4 100 belum bayar.

- (iv) Bahan api kilang terlebih bayar RM520.
- (v) 70% alat tulis adalah alat tulis pejabat.
- (vi) 40% daripada gaji pengurus adalah untuk pengurus kilang.
- (vii) Insurans yang dibayar berakhir 31 Januari 2021. Insurans dan sewa diagihkan antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 60:40
- (viii) Penyelenggaraan kilang termasuk penyelenggaraan pejabat RM3 850.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

[21 markah]

[4 markah]

**Bahagian B****[40 markah]**

*Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- 4 Cik Nor Bazia ialah pemilik Perniagaan Mutiara Maju. Pada 1 Mac 2021 Buku Tunai perniagaan menunjukkan baki tunai adalah sebanyak RM1 000 dan Penyata Bank menunjukkan baki debit sebanyak RM5 812. Maklumat berikut adalah urusniaga yang masih belum direkod oleh perniagaan.

Tarikh	Urus Niaga	No. Cek	Jumlah
2021			
Mac 2	Terima cek daripada Robiah		5 472
13	Bayar pembekal Muiz	019257	492
14	Bayar Kedai Qayyim	019258	1 680
	Terima cek daripada Lea		3 784
25	Terima tunai untuk sewa		400
	Bayar bil elektrik	019259	1 020
26	Belian tunai		480
27	Belianengkapan pejabat	019260	1 000

- (a) **Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai (dua ruangan) untuk merekodkan urus niaga yang berkaitan dan mengimbangkannya pada 31 Mac 2021. [11 markah]
- (b) Penyata bank yang diterima oleh Perniagaan Mutiara Maju pada 31 Mac 2021 adalah seperti berikut.

<b>MAYBANK (M) BHD.</b>				
<b>PENYATA BANK</b>				
Perniagaan Mutiara Maju			No. Akaun : 163082141101	
91A Jalan SS/2			Tarikh : 31 Mac 2021	
24200 Kemasek, Terengganu				
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2021		RM	RM	RM
Mac 1	Baki			(5 812)
2	Deposit		5 472	(340)
14	Deposit		3 784	3 444
	Dividen - Syarikat Aida		200	3 644
16	Cek 019257	852		2 792
	Caj bank	120		2 672
30	Cek 019258	1 680		992

**Anda dikehendaki:**

- i. Mengemas kini Buku tunai (ruangan bank) [5 markah]
- ii. Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2021 [4 markah]

- 5 (a) Aurora Coffee adalah pengeluar minuman kopi. Data yang diperoleh bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	Pengeluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
2019	25 000	215 000
2020	35 000	265 000

Kos tetap dan kos berubah seunit diandaikan malar untuk kedua – dua tahun. Harga jualan seunit bagi tahun 2019 dan 2020 ialah RM11.

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Kos berubah seunit [2 markah]
  - (ii) Kos tetap [2 markah]
  - (iii) Titik pulang modal [2 markah]
  - (iv) Kuantiti yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM36 000 [2 markah]
  - (v) Titik pulang modal yang baru, sekiranya kos tetap telah meningkat sebanyak RM6 000 [2 markah]
- (b) Perniagaan Warkop Nibong menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar dengan nilai panjar berjumlah RM300. Baki Buku Tunai Runcit pada 31 Ogos 2021 ialah RM65. Berikut adalah urus niaga yang berlaku sepanjang September 2021:

2021	Butiran	RM
Sept 2	Pewangi pejabat	33
5	Pen dan pensel	15
10	Petrol	40
12	Perabot pejabat	450
15	Alas meja	50
21	Sampul Pos Laju	55
27	Kertas fotostat	64
30	Mesin pencetak	350

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai Runcit sehingga 1 Oktober 2021 dengan menunjukkan lajur analisis Alat Tulis, Belanja Pos, Tambang dan Belanja Pejabat. [10 markah]

- 6 Pada 31 Disember 2020, Kelab Futsal Juara yang beroperasi di Kuala Nerus mempunyai ahli seramai 180 orang. Yuran keahlian ialah RM240 setahun untuk setiap ahli.

Maklumat berikut adalah ringkasan penerimaan dan pembayaran Kelab Futsal Juara bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Yuran masuk	200	Akaun Belum Bayar kafetaria	6 300
Yuran ahli	42 800	Insurans	750
Yuran pertandingan futsal	1 500	Upah pekerja kafetaria	6 600
Derma	2 000	Akhbar dan majalah	120
Jualan Kafetaria	16 800	Alatan kafetaria	2 300
		Kadar bayaran	3 380
		Belanja pertandingan futsal	360
		Hadiah pertandingan futsal	450

Maklumat tambahan:

- (i) Aset dan liabiliti:

	1 Jan 2020	31 Dis 2020
	RM	RM
Premis (kos)	90 000	90 000
Alatan kafetaria	5 400	6 390
Akaun Belum Bayar kafetaria	4 200	6 100
Inventori kafetaria	2 300	3 540
Yuran Belum Terima	400	?
Yuran Belum Terperoleh	600	240
Akhbar dan majalah prabayar	50	-
Bank	10 500	?

- (ii) Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan modal.  
 (iii) Yuran yang diterima termasuk 12 orang ahli yang menjelaskan yuran bulan Disember 2019 dan baki yuran yang belum diterima dianggap sebagai yuran lapuk.  
 (iv) Upah pekerja kafetaria masih belum dijelaskan RM600.  
 (v) 20% daripada kadar bayaran adalah kadar bayaran kafetaria.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli [6 markah]  
 (b) Akaun Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 [6 markah]  
 (c) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT